



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2019

**PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN
KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM
PERKHIDMATAN SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan kepada pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG).

LATAR BELAKANG

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015, Kerajaan telah melaksanakan pemberian PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatan kepada pegawai yang bersara paksa sebelum TPG. Namun, pelaksanaan ini tidak melibatkan pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum menerima PGT.

PELAKSANAAN

3. Kerajaan telah bersetuju menambah baik pelaksanaan pemberian PGT kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG. Dalam hal ini, TPG pegawai tersebut akan diawalkan pada tarikh pegawai meninggal dunia.

Syarat-syarat Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

4. Pemberian PGT dalam Pekeliling Perkhidmatan ini tertakluk kepada syarat dan kadar sedia ada dalam peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa, terutamanya syarat-syarat yang berikut:

4.1 pegawai mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

4.2 diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan

4.3 diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kementerian/ Jabatan.

5. Contoh kaedah pelaksanaan pemberian PGT diawalkan kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A1-A3**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

6. Dalam melaksanakan pemberian PGT diawalkan ini, Ketua Jabatan dan PPSM bertanggungjawab untuk memastikan:

6.1 PGT diawalkan ini hanya diberikan kepada pegawai yang layak; dan

6.2 perubahan gaji tersebut direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

7. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 27(2), P.U.(A) 1/2012, PPSM Kementerian/ Jabatan adalah diwakilkan kuasa¹ untuk mengawalkan PGT pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat pemberian PGT yang telah ditetapkan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2019**.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

¹ mengikut peraturan 62(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]

LAMPIRAN A1

KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI BAGI PEGAWAI MENINGGAL DUNIA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Skim Perkhidmatan	: Pegawai Penyelidik
Gred	: Q52
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 Julai
Gaji Minimum - Maksimum	: RM5,844.00 – RM12,441.00
Kadar KGT	: RM290.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 3 Mei 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Q52 (RM)	Gaji Baharu Gred Q52 (RM)	Catatan
2.5.2019	10,256.38	-	Gaji pegawai sehari sebelum meninggal dunia.
3.5.2019	-	10,546.38 (10,256.38 + 290)	Diberi PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatannya mengikut keputusan PPSM. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

PPSM	: Panel Pembangunan Sumber Manusia
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan

LAMPIRAN A2

KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI BAGI PEGAWAI MENINGGAL DUNIA SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Skim Perkhidmatan	: Penolong Pegawai Veterinar
Gred	: G32
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 April
Gaji Minimum - Maksimum	: RM2,846.00 – RM6,258.00
Kadar KGT	: RM155.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 14 Februari 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G32 (RM)	Gaji Baharu Gred G32 (RM)	Catatan
13.2.2019	5,178.73	-	Gaji pegawai sehari sebelum meninggal dunia.
14.2.2019	-	5,333.73 (5178.73 + 155)	Diberi PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatannya mengikut keputusan PPSM. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

PPSM	: Panel Pembangunan Sumber Manusia
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan

LAMPIRAN A3

KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA SELEPAS TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Skim Perkhidmatan	: Penolong Akauntan
Gred	: W36
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 Julai
Gaji Minimum - Maksimum	: RM3,532.00– RM7,511.00
Kadar KGT	: RM180.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 28 September 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred W36 (RM)	Gaji Baharu Gred W36 (RM)	Catatan
30.6.2019	6,638.32	-	Gaji pegawai sehari sebelum TPG.
1.7.2019	6,818.32 (6638.32 + 180)	-	Tarikh pergerakan gaji pegawai. Pegawai diberikan PGT mengikut keputusan PPSM.
28.9.2019	6,818.32	-	Pegawai meninggal dunia. Tiada perubahan kepada gaji kerana pegawai telah menerima PGT pada tahun berkenaan. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

PPSM	: Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG	: Tarikh Pergerakan Gaji
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan